



## **Kerajaan tingkatkan taraf hidup belia menerusi JaminKerja Keluarga Malaysia**

Ekhwan Haque Fazlul Haque  
November 12, 2022 @ 4:38pm

BERA: Kerajaan berusaha memastikan golongan belia mendapat pekerjaan, seterusnya meningkatkan taraf hidup menerusi JaminKerja Keluarga Malaysia, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia adalah manifestasi komitmen kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan yang lebih menyeluruh dan menghasilkan pembangunan ekonomi lebih mampan.

Beliau berkata, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan kebajikan pekerja dan majikan termasuk mereka yang terbabit dalam ekonomi baharu seperti gig yang kini menjadi alternatif bagi menjana pendapatan.

"Program kemahiran semula dan penajaan pendapatan juga diperkenalkan untuk mereka yang kehilangan pekerjaan dan pendapatan apabila syarikat yang menjadi tempat mereka bekerja terpaksa mengurangkan operasi atau ditutup.

"Menerusi Sistem Insurans Pekerjaan ditawarkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) seramai 188,526 Keluarga Malaysia menerima manfaat faedah kewangan berjumlah RM1 bilion bagi membantu mereka yang terkesan meneruskan kehidupan harian," katanya ketika berucap dalam Majlis Perasmian Karnival Keluarga Malaysia: Anak Muda Gegor Bera di Dewan Konvensyen Bera, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, sehingga 28 Oktober lalu, sebanyak 65,774 permohonan kerja diterima membabitkan 8,513 majikan.

"Kajian Tahap Penerimaan Rakyat Terhadap Kerajaan dan Dasar Keluarga Malaysia yang dilaksanakan Ilham Centre mendapati 82.5 peratus rakyat mahu program JaminKerja diteruskan di masa hadapan.

"Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) turut memperkenalkan Pusat Penempatan HRD Corp yang menjadi portal sehenti pepadanan latihan kemahiran serta kaunseling dan bimbingan kerjaya kepada 60,000 penempatan pekerjaan," katanya.

Beliau berkata, Inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia menyediakan peluang pekerjaan yang lebih menyeluruh dan menghasilkan pembangunan ekonomi lebih mampan.